

Ikbolassen terima insentif RM12,000

[Mohd Rafi Mamat](#)

sukanteam@nst.com.my



IKBOLASEN menerima insentif ditawarkan kerajaan negeri Pahang susulan kejayaan di Sukma 2022.

Kuantan: Atlet jarak jauh, Muhammad Ikbolassen Kamal Hussain muncul penerima terbanyak insentif kejayaan kerajaan Pahang apabila menerima RM12,000 selepas meraih tiga pingat emas di Sukan Malaysia (Sukma) ke-20 MSN 2022.

Atlet kelahiran Raub berusia 20 tahun itu merangkul kejayaan dalam acara 10,000 meter (m), 3,000m dan 5,000m.

Menurut Ikbolassen, dia bersyukur dengan kejayaan yang diraih itu yang dianggap luar jangkaan dirinya dan kontinjen Pahang.

"Saya bersaing di Sukma kali ini membawa misi merangkul kejayaan untuk kontinjen Pahang dan insentif kejayaan yang ditawarkan lebih kepada pembakar semangat.

"Kejayaan saya ini adalah kejayaan bersama, sokongan dan bantuan semua pihak menjadi pendorong kepada pencapaian tiga pingat emas," katanya.

Menurutnya, wang insentif diterima itu akan disimpan untuk kegunaan keluarga yang banyak berkorban untuk dirinya tanpa jemu.

Atlet Pahang yang meraih pingat di Sukma 2022 layak menerima insentif kerajaan negeri iaitu pemenang pingat emas individu menerima RM4,000, perak RM2,000 dan gangsa RM1,000.

Secara keseluruhan, kontinjen Pahang meraih 22 pingat emas, 21 perak dan 27 gangsa.

Selain atlet olahraga yang menyumbang lima pingat emas, penyumbang terbanyak pingat emas ialah pasukan menembak dengan lapan emas, silat (2) dan hoki (2).

Disiarkan pada: September 27, 2022 @ 10:22pm